

15 AUG 1998

OLEOKIMIA-CUKAI/I

KEMENTERIAN PERUSAHAAN UTAMA MUNGKIN KENAKAN CUKAI KE ATAS BAHAN MENTAH
DARIPADA OLEOKIMIA

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Kementerian Perusahaan Utama mungkin mengenakan cukai ke atas eksport bahan mentah yang diperolehi daripada industri oleokimia, kata menterianya Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Menurut beliau ini merupakan satu daripada langkah-langkah yang mungkin dipertimbangkan oleh kementerian itu agar pengeluar-pengeluar oleokimia akan menceburi kegiatan hiliran dengan lebih mendalam lagi.

"Saya telah mengingatkan mereka (pengeluar oleokimia) kita mungkin mengenakan cukai untuk memaksa mereka menceburi kegiatan hiliran dengan lebih mendalam," kata Dr Lim, yang juga adalah Presiden Parti Gerakan, kepada pemberita selepas mesyuarat parti itu di sini hari ini.

Mengulas laporan sebuah akhbar harian berbahasa Inggeris bahawa pasaran keluaran derivatif minyak sawit masih belum dimanfaatkan, beliau berkata kementerianya telah menubuhkan sebuah pusat oleokimia serba maju yang telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua tahun lalu.

Katanya, mereka yang memberi komen dalam laporan itu ialah pengeluar olekimia, yang mengeksport oleokimia sebagai bahan mentah.

Keluaran oleokimia yang diperolehi daripada pemprosesan hiliran minyak sawit dan isirong sawit mempunyai pelbagai kegunaan akhir, antara lain, pembuatan sabun, bahan cucian, alat solek dan ubat-ubatan.

Sementara itu, Dr Lim juga menggesa pihak bank untuk menyediakan kemudahan kredit kepada pengilangan berorientasikan eksport, seperti perniagaan perabot untuk memberikan modal kerja kepada mereka, "terutamanya jika mereka menerima tempahan dari seberang laut."

Beliau menegaskan bahawa kementerianya akan mengkaji semua rungutan dan menggesa pekilang-pekilang memberikan butiran terperinci mengenai bank-bank (yang enggan menyediakan kemudahan pinjaman) dan jumlah kemudahan tersebut agar langkah-langkah sewajarnya boleh diambil.

-- BERNAMA

YY KY MA